



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 12 SEPTEMBER 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	KEMENTERIAN TIDAK CAMPUR TANGAN, NASIONAL, SH -18	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2. 3.	6,349 AGROPRENEUR MUDA TERIMA GERAN, NASIONAL, BH -20 6,349 AGROPRENEUR MUDA TERIMA RM111.02 JUTA, TEMPATAN, UTUSAN SARAWAK -20	UNIT AGROPRENEUR MUDA (UAM)
4. 5.	LETAK BERAS SELUDUP DALAM PEKET KECIL, LOKAL, HM -4 TUKAR BUNGKUSAN BERAS SELUDUP, EDISI VIRAL -ONLINE	BAHAGIAN INDUSTRI PADI DAN BERAS (IPB)
6.	RM35J BARANG SELUDUP DIRAMPAS, NASIONAL, BH -18	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
7.	HAPUS SEGERA 'ORANG TENGAH', DALAM NEGERI, UM -12	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
8. 9.	JABATAN PERIKANAN RAMPAS 162 BUBU NAGA, NEGERI, SH -28 PERIKANAN RAMAPAS 162 BUBU NAGA, DALAM NEGERI, UM -32	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
10. 11. 12.	MAJLIS PECAH TANAH PUSAT PEMROSESAN BUAH-BUAHAN, DAN KEMBARA AGROPRENEUR MUDA, UTUSAN BORNEO -ONLINE PUSAT MEMPROSES BUAH-BUAHAN SABAH SIAP 2022, BERNAMA -ONLINE FAMA BANGUNKAN PUSAT PEMROSESAN BUAH-BUAHAN, BERITA RTM -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
13. 14. 15. 16.	FGV TEMBUSI PASARAN PENGELUARAN BERAS, EKONOMI, UM -35 BUAT DUIT DENGAN BELA AYAM RATU, WARNA-WARNI KEHIDUPAN, SH -19 INVEST IN R&D TO ACHIEVE FOOD SECURITY, LETTERS, NST -13 AMAL LIMA NORMA KESELAMATAN MAKANAN, MINDA PEMBACA, BH -13	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Kementerian tidak campur tangan

Kementerian tiada kuasa untuk bertindak atau menyelesaikan isu yang sudah berlarutan berpuluh tahun

Oleh NOR FARHANA YAACOB

## IASIN

**K**ementerian Pertanian dan Industri Makanan yakin kerajaan Pahang menyelesaikan isu penceroohan tanah kerajaan oleh pekebun durian di Raub.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, pihaknya tidak akan campur tangan dalam isu tersebut walaupun hasil pertanian durian musang king antara produk tertinggi dieksport ke luar negara

terutama China.

"Kementerian tidak mempunyai sebarang kuasa untuk bertindak atau menyelesaikan isu yang dikatakan sudah berlarutan berpuluh tahun.

"Tanah dan air di bawah kuasa mutlak kerajaan negeri. Jadi kita sedia memberikan khidmat nasihat berkaitan pertanian, selebihnya diserahkan sepenuhnya kepada kerajaan negeri," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan program penutup Hari Ladang dan Penyampaian Peruntukan Pertanian Peringkat Daerah Jaslin di Dewan Alamanda di sini semalam.

Hadir sama, Exco Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Norhizam Hassan Baktee, Timbalan Ketua Pengarah Pertanian, Elyas Saad dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rim, Datuk Ghazale Mahmud.

Ahmad yang juga Ahli



Ahmad menyampaikan sambutan kepada salah seorang penerima pada program penutup Hari Ladang dan Penyampaian Peruntukan Pertanian Peringkat Daerah Jaslin di Dewan Alamanda semalam.

Parlimen Jaslin berkata, isu berkenaan diharap dapat menemui jalan penyelesaian terbaik bagi membolehkan hasil pertanian itu dapat dieksport dan menyumbang nilai jualan dalam bidang pertanian.

"Kita berharap isu di Raub tidak mengganggu pekebun durian di kawasan itu untuk menghasilkan produk mereka," katanya.

Pada Ogos lalu, media melaporkan kerajaan Pahang terpaksa bertindak tegas menangani kegiatan penceroohan hutan di Raub dengan aktiviti penanaman pokok durian musang king yang diusahakan secara haram di atas tanah milik kerajaan negeri.

Tindakan itu dilakukan berikutan kerajaan negeri

mengalami kerugian kira-kira RM30 juta dalam tempoh 10 tahun akibat kehilangan hasil cukai tanah dari kebun haram termasuk di kawasan hutan simpan.

Antara kawasan dusun durian di Raub yang terbabit ialah Hutan Simpan Gunung Benom, sekitar Sungai Ruan, Sungai Chalit serta Tranum dan Tras.

# 6,349 agropreneur muda terima geran

**Kota Kinabalu:** Seramai 6,349 agropreneur muda di seluruh negara menerima kelulusan Geran Agropreneur Muda (GAM) dari 1 Januari 2016 hingga 31 Ogos tahun ini yang berjumlah RM111.02 juta.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dalam kenyataan memaklumkan daripada jumlah itu membabitkan sektor tanaman seramai 2,561 orang dengan peruntukan RM43.80 juta.

Bagi sektor perikanan pula 511 orang dengan pembiayaan RM10.58 juta, sektor ternakan 1,232 orang (RM25.83 juta) dan sektor industri makanan 2,045 orang (RM30.81 juta).

Bagi Program Agropreneur Muda (PAM) seramai 6,401 di se-

luruh negara menerima kelulusan untuk mengikuti PAM. Berjumlah RM114.32 dalam tempoh sama.

Antara sektor terbabit ialah tanaman seramai 2,588 orang dengan jumlah pembiayaan RM45.19 juta; perikanan 515 orang (RM10.96 juta); ternakan 1,246 orang (RM26.82 juta) dan industri makanan 2,052 orang (RM31.35 juta).

Di Sabah bagi tempoh sama, seramai 534 orang agropreneur muda menerima kelulusan GAM berjumlah RM7.79 juta.

Daripada jumlah itu seramai 29 orang agropreneur muda menerima kelulusan GAM Fasa II bagi tahun ini berjumlah RM0.56 juta.

BERNAMA

Headline	6,349 agropreneur muda terima RM111.02 juta		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	12 Sep 2020	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	20	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	114 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 678
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,035



## 6,349 agropreneur muda terima RM111.02 juta

**KOTA KINABALU:** Seramai 6,349 agropreneur muda di seluruh negara telah menerima kelulusan Geran Agropreneur Muda (GAM) dari 1 Januari 2016 hingga 31 Ogos tahun ini yang berjumlah RM111.02 juta.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam kenyataan memaklumkan daripada jumlah itu melibatkan sektor tanaman seramai 2,561 orang dengan peruntukan sebanyak RM43.80 juta.

Bagi sektor perikanan pula 511 orang dengan pembiayaan sebanyak RM10.58 juta, sektor ternakan 1,232 orang (RM25.83 juta) dan sektor industri makanan 2,045 orang (RM30.81 juta).

Bagi Program Agropreneur Muda (PAM)

pula seramai 6,401 di seluruh negara telah menerima kelulusan untuk mengikuti PAM berjumlah RM114.32 dalam tempoh yang sama.

Antara sektor terlibat ialah tanaman seramai 2,588 orang dengan jumlah pembiayaan RM45.19 juta; perikanan 515 orang (RM10.96 juta); ternakan 1,246 orang (RM26.82 juta) dan industri makanan 2,052 orang (RM31.35 juta).

Di Sabah bagi tempoh sama, seramai 534 orang agropreneur muda telah menerima kelulusan GAM berjumlah RM7.79 juta.

Daripada jumlah itu seramai 29 orang agropreneur muda menerima kelulusan GAM Fasa II bagi tahun ini berjumlah RM0.56 juta.

- Bernama



**Kuala Lumpur:** Segelintir peniaga dikesan menukar pembungkusan beras seludup atau beras tidak sah kepada peket lebih kecil untuk mengaburi pihak berkuasa.

Bagaimanapun taktik licik itu dikesan Bahagian Penguatkuasa Kawalselia Padi dan Beras (KPB) selepas siri *Op Smuggle* dan *India Gate* sejak Rabu lalu.

Beras yang sudah dipeket semula diletakkan di dalam kotak beras satu kilogram manakala ada masih disimpan di dalam kontena di gudang.

## Letak beras seludup dalam peket kecil

Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) Azman Mahmood berkata, dalam serbuan sekitar Georgetown, Pulau Pinang Rabu lalu, pihaknya merampas 6.5 tan pelbagai jenis beras termasuk Basmathi dan Chinnigra dari India.

Katanya, beras jenis itu mendapat permintaan tinggi di pasaran tempatan be-

rikutan kualiti lebih baik berbanding diimport Ber-nas.

"Kita dapati permintaan tinggi dalam kalangan pemborong, peruncit dan restoran India di Pulau Pinang.

"Pembekal ada jadual tersendiri menghantar beras kepada kedai dan mereka bawa jumlah yang lebih untuk dijual kepada pembeli tanpa sebarang invoice," katanya kepada Harian Metro.

Azman berkata, dalam serbuan di Tanjung Kidurung, Bintulu Sarawak kelmarin, pihaknya merampas 23 tan beras Vietnam bernilai RM85,790 dibawa masuk secara tidak sah dari pelabuhan.

Katanya, ketika serbuan, stok beras berkenaan masih berada di dalam kontena untuk dihantar kepada pemborong.

"Mereka ini melakukan kesalahan di bawah Perkara 8(a) Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/9/2020	EDISI VIRAL	ONLINE	

## Tukar bungkusan beras seludup.



KUALA LUMPUR: Segelintir peniaga dikesan menukar pembungkusan beras seludup atau beras tidak sah kepada paket yang lebih kecil untuk mengaburi pihak berkuasa.

Bagaimanapun taktik itu dikesan Bahagian Penguat Kuasa Kawalselia Padi dan Beras (KPB) selepas melakukan siri Ops Smuggle dan India Gate sejak Rabu lalu.

Beras yang sudah dipaketkan semula diletakkan di dalam kotak beras satu kilogram manakala ada juga yang masih disimpan di dalam kontena di gudang.

Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) Azman Mahmood berkata, dalam serbuan sekitar Georgetown, Pulau Pinang Rabu lalu, pihaknya merampas 6.5 tan pelbagai jenis beras termasuk Basmathi dan Chinigura dari India.

Katanya, beras berkenaan mendapat permintaan yang tinggi di pasaran tempatan berikutan kualiti yang lebih baik berbanding yang diimport Bernas.

"Kita dapati permintaan tinggi dalam kalangan pemborong, peruncit dan restoran India di Pulau Pinang.

"Pembekal mempunyai jadual tersendiri untuk menghantar beras kepada kedai dan mereka membawa jumlah yang lebih untuk dijual kepada pembeli tanpa sebarang invoice," katanya kepada **Harian Metro**.

Azman berkata, dalam serbuan di Tanjung Kidurung, Bintulu, Sarawak semalam, pihaknya merampas 23 tan beras Vietnam bernilai RM85,790 yang dibawa masuk secara tidak sah dari pelabuhan.

Katanya, ketika serbuan, stok beras berkenaan masih berada di dalam kontena untuk dihantar kepada pemborong.

"Mereka melakukan kesalahan mengikut Perkara 8(a) Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996," katanya.

Secara keseluruhan, operasi berkenaan mendapati ada juga peniaga yang mempamerkan beras terbabit secara terbuka untuk jualan kepada pelanggan.

"Saya ingin memberi amaran, KPB akan terus menggepuk lokasi di mana kita tahu ada beras seludup atau beras tidak sah ini.

"Kita tidak akan memberi ruang kerana sindiket ini bukan saja melanggar undang-undang, tetapi dalam skala yang lebih besar, mereka menjejaskan industri padi dan beras negara," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/9/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	18

## RM35j barang seludup dirampas

**Rantau Panjang:** Batalion 8, Pasukan Gerakan Am (PGA) merampas pelbagai jenis barangan seludup bernilai lebih RM35 juta sepanjang Ops Benteng COVID, bermula 16 Ogos lalu sehingga semalam.

Pegawai Pemerintahnya, Superintendan Muhammad Shamsuddin, berkata jumlah itu membabitkan 75 kes dengan tangkapan 53 lelaki dan tiga wanita, selain rampasan 51 kenderaan pelbagai jenis.

Katanya, operasi itu pencapaian membanggakan berikutan usaha gigih anggota bagi menumpaskan aktiviti penyeludupan dalam tempoh kurang sebulan.

“Semua rampasan ini membabitkan pelbagai kes jenayah sempadan membabitkan negara jiran, Thailand seperti penyeludupan daun ketum, pil kuda, ayam sejuk beku dan kegiatan menyeludup pendatang asing tanpa izin (PATI).

“Banyak cabaran sepanjang Ops Benteng COVID-19 seperti berhadapan penyeludup enggan beri kerjasama dan ugutan.

“Kejayaan ini hasil kerjasama baik dengan agensi penguatkuasaan lain seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS),” katanya.



Bekal benih padi perlu diserahkan kepada Jabatan Pertanian

# Hapus segera 'orang tengah'

**Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**  
hafiz.mutalib@mediamula.com.my

**KANGAR:** Isu penglibatan orang tengah atau ejen menjual benih padi dengan harga tinggi dan tidak berkualiti tidak pernah selesa, sekali gus memberatkan pesawah selain memberi kesan kepada penghasilan padi.

Pengerusi Suara Tani Malaysia, Mohd. Shazwan Suban (**gambar**) menggesa kerajaan mengambil tindakan segera menghapuskan penglibatan 'orang tengah'.

Katanya, tanggungjawab membekalkan benih padi dengan harga diwartakan kerajaan iaitu RM28 bagi setiap 20 kilogram sepatutnya hanya diberikan kepada Jabatan Pertanian dan pihak-pihak bertanggungjawab sahaja.

Mohd. Shazwan memberi-

tau, harga benih padi yang dijual ejen atau 'orang tengah' antara RM35 dan ke atas membabitkan berat sama.

"Masalah ini sudah berlarutan sejak sekian lama dan secara tidak langsung, menjejaskan imej Jabatan Pertanian itu sendiri sekiranya pesawah menerima benih tidak berkualiti selain harganya mahal.

"Kerajaan perlu segera selaraskan hanya pihak-pihak bertanggungjawab dibenarkan membekal benih padi ini seperti yang berlaku dahulu.

"Kita tidak marah jika harga dijual ejen-ejen ini sedikit mahal, namun yang menjadi masalah ialah benih dibekalkan tidak berkualiti. Apabila tiada kualiti, ia memberi kesan kepada pertumbuhan padi seperti penyakit dan masalah padi angin," katanya

kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Kelmarin akhbar ini melaporkan keluhan pesawah di Bagan Serai, Perak terpaksa membeli benih padi daripada orang tengah atau ejen pada harga mahal iaitu antara RM35 dan RM40 setiap 20 kilogram.

Mereka mendakwa keadaan itu disebabkan penguasaan ejen atau individu tertentu dalam aktiviti tersebut.

Menurut Mohd. Shazwan, masalah penguasaan ejen atau 'orang tengah' bukan berlaku di negeri ini dan Kedah sahaja malah seluruh negara.

Katanya, setiap kali musim penanaman padi, masalah tersebut timbul, seolah-olah tiada usaha atau langkah serius diambil untuk menganganinya.



**Masalah ini sudah berlarutan sejak sekian lama dan secara tidak langsung, menjejaskan imej Jabatan Pertanian itu sendiri sekiranya pesawah menerima benih tidak berkualiti selain harganya mahal."**

MOHD. SHAZWAN SUBAN



## Jabatan Perikanan rampas 162 bubu naga

LUMUT - Jabatan Perikanan merampas 162 bubu naga bernilai RM16,200 dalam operasi di perairan Tanjung Han-tu dan Pulau Talang, Se-gari di sini sejak Isnin lalu.

Ketua Pangkalan Uta-ma Cawangan Perlin-dungan Sumber (CPS) Kampung Aceh, Mansor Yobe berkata, operasi di-gerakkan selepas meneri-ma aduan terdapat kegi-atan menangkap ikan menggunakan kaedah itu.

“Pasukan operasi me-nemui bubu berukuran



FOTO: IHSAN JABATAN PERIKANAN PERAK

Sebanyak 162 bubu naga dirampas oleh Jabatan Perikanan Perak di Lumut.

enam meter dipercayai baharu dipasang di lokasi itu.

“Kesemua peralatan itu dibawa ke Jeti Perikan-an Kampung Aceh, Siti-awan untuk siasatan mengikut Seksyen 11(3)

(c) Akta Perikanan 1985,” katanya.

Katanya, pihaknya merampas 1,389 unit bubu naga sejak Januari lalu dan peralatan berke-naan banyak dikesan di perairan Pantai Remis.



**BUBU naga yang dirampas Jabatan Perikanan Perak dalam operasi selama empat hari di sekitar perairan daerah Manjung. - GAMBAR JABATAN PERIKANAN PERAK**

## Perikanan rampas 162 bubu naga

**LUMUT:** Jabatan Perikanan Perak merampas 162 unit peralatan bubu naga bernilai RM16,200 dalam operasi di sekitar perairan Daerah Manjung, semalam.

Ketua Pangkalan Utama Cawangan Perindungan Sum-ber (CPS) Kampung Acheh, Mansor Yob berkata, operasi dilakukan di perairan Tanjung Hantu dan Pulau Talang, Segari dekat sini bermula 7 September lalu hingga semalam.

Katanya, operasi itu dilakukan selepas menerima aduan

nelayan yang memberitahu aktiviti menangkap ikan menggunakan peralatan bubu naga yang diharamkan itu, masih aktif berlaku di perairan tersebut.

“Operasi empat hari itu menemui 162 unit bubu naga yang setiap satu berukuran enam meter dipercayai baru dipasang di sekitar perairan tersebut oleh individu yang belum dikenal pasti,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Mansor berkata, semua bubu naga itu dibawa ke Jeti

Perikanan Kampung Acheh, Sitiawan untuk tindakan lanjut.

Beliau berkata, kes itu disiasat mengikut Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 dan pihaknya masih menyiasat pihak bertanggungjawab memasang peralatan menangkap ikan itu.

Katanya, sepanjang tahun ini, CPS Kampung Acheh sudah merampas 1,389 unit bubu naga bernilai RM11,120 dengan sebahagian besar peralatan tersebut banyak digunakan di perairan Pantai Remis dekat sini.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/9/2020	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

## Majlis Pecah Tanah Pusat Pemprosesan Buah-buahan, dan Kembara Agropreneur Muda



KOTA KINABALU: Bagi memastikan rantaian pemasaran yang berkesan, FAMA mengorak langkah proaktif untuk membangunkan Pusat Pemprosesan Buah-Buahan Sabah yang dijangka siap pada Ogos 2022 di bawah bajet Pelan Rangsangan Ekonomi (PRIHATIN) yang disalurkan kepada FAMA melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan berjumlah RM5 juta.

Antara projek lain yang dirancang adalah menaiktaraf Pusat Operasi FAMA Kota Kinabalu, menaiktaraf Pasar Tamu Tomborungus di Kudat dan menaiktaraf Pasar Tamu di

Kunak.

Pusat Pemprosesan Buah-buahan ini akan memberi kemudahan dan persediaan kepada golongan sasaran dan dapat membantu mereka memasarkan hasil pertanian serta mengelakkan dari berlaku lambakan.

Pembangunan pusat ini juga sebagai saluran untuk mengatasi lambakan durian kampung dan klon tidak komersial dan pusat ini dijangka mampu memproses 1,500 metrik tan buah-buahan tempatan menjelang tahun 2025 untuk tujuan eskport.

FAMA negeri Sabah telah menjalankan beberapa siri pengeksporan ke Semenanjung Malaysia melibatkan beberapa jenis buah-buahan seperti pisang Sabah, pomelo dan buah tarap.

Percubaan Eksport Buah Tarap Ke Semenanjung Malaysia adalah suatu langkah yang tepat bagi mempromosikan buah eksotik Sabah kepada masyarakat di Malaysia terutamanya penduduk di Semenanjung Malaysia.

Buah tarap yang manis dan lembut biasanya boleh didapati di daerah Ranau, Tongod, Nabawan, Kudat atau Kota Belud dan memang sukar diperolehi di tempat lain.

Mengambil contoh program MyBest Buy yang diadakan di Ibu pejabat FAMA pada tahun 2019, FAMA membawa 3 metrik tan buah-buahan dari negeri Sabah termasuk buah tarap dan didapati ianya habis dijual dalam masa kurang tiga jam.

FAMA mengambil model pengeksporan Pisang Sabah yang telah menunjukkan peningkatan yang mendadak sejak 2012 hingga 2019.

Pada tahun lepas, pihak FAMA telah mengeskport sebanyak 20 ribu metrik tan berbanding 2 ribu metrik tan pada tahun 2012 iaitu peningkatan hampir 900 peratus.

Nilai eksport keseluruhan bagi Pisang Sabah bagi tempoh tersebut adalah sebanyak RM115 juta.

Di samping itu, pihak Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah memperkenalkan program Dana Agrokredit Agrobank di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dengan peruntukan sebanyak RM350 juta.

Ini diikuti dengan Program My Agro Future sebanyak RM40 juta dan program Kebuniti sebanyak RM10 juta.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan di bawah Unit Agropreneur Muda telah mengadakan siri kembara Agropreneur Muda bermula 4 September 2020 sehingga 11 September 2020.

Ia dilihat dapat membuka peluang kepada kementerian untuk bertemu dengan belia di negeri Sabah di samping menarik minat mereka untuk terlibat dalam bidang pertanian.

Bantuan dana dan pembangunan yang disalurkan menerusi jabatan dan agensi persekutuan dapat membantu meningkatkan produktiviti industri pertanian dan industri makanan negara termasuk di negeri Sabah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/9/2020	BERNAMA	ONLINE	

## Pusat Memproses Buah-Buahan Sabah siap 2022



KOTA KINABALU, 11 Sept -- Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan membangunkan sebuah Pusat Pemprosesan Buah-Buahan Sabah yang dijangka siap pada Ogos 2022 bagi memastikan rantai pemasaran buah-buahan Sabah lebih berkesan.

FAMA dalam satu kenyataan hari ini memaklumkan pusat itu akan dibangunkan di bawah bajet Pelan Rangsangan Ekonomi (PRIHATIN) yang disalurkan kepada FAMA melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan berjumlah RM5 juta.

Ia turut menjelaskan, antara projek lain yang dirancang di bawah bajet itu termasuk menaik taraf Pusat Operasi FAMA Kota Kinabalu, Pasar Tamu Tomborongus di Kudat dan Pasar Tamu di Kunak.

"Pusat Pemprosesan Buah-buahan ini akan memberi kemudahan dan persediaan kepada golongan sasaran yang dapat membantu mereka memasarkan hasil pertanian serta mengelakkan daripada berlaku lambakan.

"Pembangunan pusat ini juga sebagai saluran untuk mengatasi lambakan durian kampung dan klon tidak komersial, pusat ini juga dijangka mampu memproses 1,500 tan metrik buah-buahan tempatan menjelang tahun 2025 untuk tujuan eksport," jelas kenyataan itu.

FAMA Sabah turut mengeksport buah-buahan dari Sabah ke Semenanjung Malaysia seperti pisang Sabah, limau bali dan buah tarap sebagai inisiatif mempromosikan buah eksotik Sabah kepada masyarakat di Malaysia.

"Mengambil contoh program MyBest Buy yang diadakan di Ibu pejabat FAMA pada 2019, FAMA membawa tiga tan metrik buah-buahan dari negeri Sabah termasuk buah tarap dan ia habis dijual dalam masa kurang tiga jam.

"Pada tahun lepas, pihak FAMA telah mengeksport sebanyak 20,000 tan metrik berbanding 2,000 tan metrik pisang Sabah pada 2012 iaitu peningkatan hampir 900 peratus. Nilai eksport keseluruhan bagi pisang Sabah bagi tempoh tersebut adalah sebanyak RM115 juta," jelas kenyataan itu.

-- BERNAMA



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/9/2020	BERITA RTM	ONLINE	

### FAMA BANGUNKAN PUSAT PEMROSESAN BUAH-BUAHAN



12/9/2020

UTUSAN  
MALAYSIA

EKONOMI

85

# FGV tembusi pasaran pengeluaran beras

Oleh **KU SYAFIQ KU FOZI**  
kusyafiq.fozi@medianullia.com.my

**KUALA LUMPUR:** FGV Holdings Berhad (FGV) melalui anak syarikatnya, Delima Oil Products Sdn. Bhd. (DOP) memperkenalkan rangkaian produk baharunya di bawah jenama Saji yang turut menyaksikan jenama itu buat pertama kali menembusi pasaran pengeluaran beras.

Rangkaian produk tersebut merangkumi tiga produk iaitu beras Saji, gula kasar Saji dan santan Saji yang mula dipasarkan bulan ini, menjadikannya sebagai penambahan terbaharu produk syarikat itu dalam segmen barang pengguna cepat-laris (FMCG).

Untuk beras Saji, DOP memasarkan beras istimewa tempatan Saji dan beras istimewa yang diimport dalam bungkusan 5 kilogram (kg) dan 10kg.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV, Datuk Haris Fadzilah Hassan berkata, syarikat itu akan bekerjasama dengan petani kontrak tempatan berskala besar untuk menghasilkan beras wangi Saji.

"Dalam perancangan syarikat, terdapat (juga) produk berasaskan beras termasuk tepung dan mi," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurut beliau, pengenalan



**KETUA Bahagian Hiliran, Zulkifli Othman (kiri) dan Haris Fadzilah Hassan mempromosikan beras jenama Saji di Kuala Lumpur.**

lebih banyak produk FMCG selari dengan strategi FGV untuk menggerakkan segmen hiliran ke segmen makanan benjenama pengguna.

"Kami berhasrat untuk mengembangkan segmen ini menjadi aliran pendapatan yang lebih kukuh, stabil dan mampan," katanya.

Beliau berkata, FGV memantapkan kepakarannya dalam bidang pertanian untuk terlibat

dalam pengeluaran makanan yang tidak hanya berasaskan sawit.

Saji merupakan jenama produk makanan yang sebelum ini unggul dalam pasaran minipak masak dengan penguasaan 40 peratus pasaran Malaysia selain turut mengeluarkan produk lain seperti krim, dan krim berperisa, sos, mayo, mi segera dan garam batu.

Selain beras, dua lagi produk

baharunya iaitu gula kasar dan santan akan menambah pengaruh jenama Saji dalam pasaran produk makanan negara.

Gula kasar Saji dihasilkan di bawah kerjasama pautan antara DOP dengan anak syarikat FGV yang disenaraikan, MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM).

Produk santannya pula akan dipasarkan dalam kotak dengan saiz 200 mililiter (ml) dan satu liter.



# Buat duit dengan bela ayam ratu

Hafnizan yang bermula dengan hobi peliharaan sepasang anak ayam ratu mampu perolehi pendapatan bersih bulanan antara RM5,000 dan RM6,000

**T**rend memelihara ayam ratu kini semakin popular di kalangan rakyat Malaysia, bukan sahaja sebagai hobi malah semakin ramai yang menjadikannya sebagai sumber pendapatan.

Begitu juga dengan Hafnizan Abdul Wahab, 44, yang bermula dengan hobi memelihara sepasang anak ayam ratu baka Leung Hang Khao (LHK) berusia lima bulan dari Thailand dengan harga RM5,000 pada 2014 dan kini mampu memperoleh pendapatan bersih bulanan antara RM5,000 dan RM6,000.

Bapa kepada enam cahaya mata itu kini memiliki lebih 1,000 ekor ayam ratu.

Bentuk ayam ratu sama seperti ayam laga. Bagaimanapun, unggas itu mendapat sambutan ramai kerana kecantikannya yang dianggep unik.

"Harga ayam ratu sangat mahal dan peniagaannya pula agak cerewet, kerana untuk menghasilkan seekor ayam untuk pertandingan 'raju cantik' memerlukan usaha yang bukan kecil palang. Namun, semuanya berubah apabila saya berjaya menjual lima ekor anak ayam yang berusia dua minggu dengan harga RM1,000 tidak sampai lima minit, selepas



FOTO: BERHAWA

Hafnizan bersama rakan-rakan berfikir berfikir bagi membina pembangunan ayam peliharaan mereka ketika di Kamping Padang Masajang, Masak.

menjadi juara dalam satu pertandingan di Thailand pada 2018," katanya.

Terbaharu, Oscar Team turut diundang memeriakan pelancaran Kampung Budaya Terengganu di Muzium Negeri sebagai usaha memperkenalkan ayam ratu kepada orang ramai.

Anak jati Kampung Seberang Than Chik, Kuala Terengganu itu menafikan tanggapan negatif masyarakat yang sering mengaitkan ayam dengan perjudian.

"Kalau zaman dahulu, memang benar ada pertandingan laga ayam dengan perubahan tertentu, namun seiring perubahan masa dan kefahaman mengenai hukum agama, ia tidak berlaku lagi kerana ayam yang dinobatkan sebagai raju cantik, hanya diberi sijil pengiktirafan dan trofi kemenangan sahaja tanpa sebarang hadiah wang tunai. Harga ayam ratu itu akan melambung tinggi hingga lebih

RM3,000 selepas dinobatkan sebagai raju cantik," katanya. Keghairahan Hafnizan dan ahli kelab Oscar Team dalam menyertai pertandingan raju cantik, bagaimanapun terhenti sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac lalu, namun mereka masih meneruskan rutin menjaga ayam masing-masing.

"Alhamdulillah, berkat penjagaan rapi sepanjang PKP dan mengiktirafkan ayam raju di media sosial, ramai ahli yang memeliharanya secara sambil lalu turut berjaya menjana pendapatan bersih lebih RM3,000," katanya.

Hafnizan yang sebelum ini bekerja sebagai perunding dalam industri minyak dan gas, kini nekad menjadikan ayam raju sebagai sumber pendapatan utama turut memberi tumpuan menjual produk berkaitan ayam raju dan memasarkan jualan sebanyak RM80,000 menjelang akhir tahun ini. - Bernama

KUALA TERENGGANU



Hafnizan menunjukkan piola yang dimenangnya pada pertandingan ayam ratu peringkat Pantai Timur dan Thailand pada 2018.



# Invest in R&D to achieve food security

**FOOD** security remains the nation's major development agenda. Year in year out, we struggle to reduce food imports running into billions of ringgit. We are only about 70 per cent secure in our staple food of rice. We continue to be import dependent, especially for meat and dairy products.

There have been attempts to close the gap, which have been unsuccessful. The current Covid-19 situation has brought the issue of food security into even sharper focus as countries shut down their borders.

Singapore has been faring worse with less than 10 per cent sufficiency in most food. This explains why the country has plans to increase the production of local food.

They have set the "30 by 30" goal, which is to produce 30 per cent of Singapore's nutritional needs locally by 2030. The goal aims to increase the cultivation of vegetables and boost the production of protein sources.

The Singapore Food Agency (SFA) has been given the task and to help achieve the "30 by 30" goal, S\$144 million of research funding has been made available under the Singapore Food Story R&D Programme, led by SFA and the Agency for Science, Tech-



*We are still import dependent especially for meat and dairy products.* FILE PIC

nology and Research (A\*STAR).

SFA has also established a S\$30 million "30x30 Express" grant to support local farmers to ramp up production of eggs, vegetables and fish over the next six to 24 months. What Singapore lacks in space, it makes up for in research and development (R&D), innovation and technology.

Working closely with other agencies, including SFA and complementing work from institutes of higher

learning, A\*STAR recently established the Singapore Institute of Food and Biotechnology Innovation (SIFBI) to bring its food science research under one roof and create a synergistic platform to build on collaborations and better facilitate the economic value capture for Singapore's food ecosystem.

Leveraging biotechnology — the process of using biology (fermentation as an example) to create products and

services — SIFBI can develop various tools and processes that enhance the food manufacturing system in Singapore.

Malaysia has long established the agri-biotech institutes under the Ministry of Science, Technology and Innovation to do exactly what SIFBI plans to do. Unfortunately, as with many other R&D institutes that we have established, we did not focus on building up the talents and injecting the necessary R&D funding.

It is therefore not a surprise that we have not made much headway in addressing our food security challenge. We need to move away from this impressive building mindset, and instead invest in the talent and equipment to deliver the much needed R&D.

It is time for us to inject more R&D funding to find solutions to our food security struggle. The 12th Malaysia Plan should be a good start to overhaul our strategy on R&D. Otherwise, come 2030, our story on food security will be the same.

**PROFESSOR DATUK  
DR AHMAD IBRAHIM**

Fellow, Academy of Science,  
UCSI University



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/9/2020	BERITA HARIAN	MINDA PEMBACA	13

# Amal lima norma keselamatan makanan

Sebarang gangguan terhadap makanan dan minuman yang menjadi keperluan asas, akan menyebabkan perkara lain juga terganggu. Oleh itu, antara isu terpenting kini adalah mengenai keselamatan makanan seharian kita.

Ibarat kata ahli falsafah, Ralph Waldo, kekayaan pertama ialah kesihatan. Namun, dalam menyediakan makanan untuk diri dan keluarga, sejauh manakah kita mementingkan soal kesihatan dan keselamatan pemakanan?

Menurut Kementerian Kesihatan (KKM), kejadian keracunan makanan di negara ini masih terkawal.

Pada 2019, terdapat peningkatan sebanyak 3.2 peratus, iaitu 516 insiden berbanding 500 insiden keracunan makanan dicatatkan pada 2018.

Dalam era pandemik COVID-19, sudah tentu kita berhadapan pelbagai cabaran dalam menghadapi isu berkaitan keselamatan makanan ini.

Contohnya, peniaga haruslah sentiasa memastikan bahan mentah dan

proses penyediaan makanan berada dalam keadaan bersih, sihat dan baik secara sains pemakanan.

Melalui norma baharu, kita juga menyoal kerancakan sektor pembungkusan dan penyampaian makanan sedia dimakan terus kepada pelanggan, hanya melalui aplikasi di telefon pintar. Cabaran sektor ini, penghantar makanan wajar mengambil serius bukan sahaja prosedur operasi standard (SOP) COVID-19, malah berwaspada terhadap keselamatan makanan.

Meraka perlu memastikan keadaan makanan dalam bentuk asal, segar dan tidak tercemar.

Kenderaan juga perlu bersih, selamat dan tidak berisiko tinggi. Perlu dipastikan kualiti dan kuantiti makanan sampai kepada pelanggan sama seperti dipesan.

Cabaran dihadapi pengguna dalam isu keselamatan makanan pula hampir sama. Kita bertanggungjawab terhadap apa sahaja makanan disuap masuk ke

mulut setiap hari.

Bukan sahaja kebersihan tempat makanan perlu diteliti, malah kebersihan, zat, halal dan baik untuk kesihatan badan.

Dalam ledakan kemudahan pelbagai platform mendapatkan makanan hanya daripada telefon bimbit, menjadi tanggungjawab bersama untuk memastikan keselamatan makanan sentiasa terpelihara.

Oleh itu, kita perlu mengambil tindakan bersepadu seperti disarankan KKM melalui menterinya, Datuk Seri Dr Adham Baba dengan mengamalkan lima norma keselamatan makanan.

Pertama, *Erisure It Is Safe*, iaitu tanggungjawab kerajaan untuk memastikan makanan adalah selamat.

Kedua, *Grow It Safe*, iaitu tanggungjawab pengeluar makanan untuk mengamalkan amalan baik di peringkat ladang atau pengeluaran.

Ketiga, *Keep It Safe*, iaitu tanggungjawab pengusaha atau penggilang

makanan memastikan pengendalian makanan selamat.

Keempat, *Eat It Safe*, iaitu penggunaan atau rakyat berhak mendapat makanan selamat.

Kelima, *Team Up For Safety*, iaitu akhirnya, keselamatan makanan adalah tanggungjawab kita bersama.

Walaupun kita serius memerangi COVID-19, kita jangan lupa untuk memandang serius terhadap keselamatan makanan ini. Bahaya isu keselamatan makanan hampir sama risiko wabak COVID-19, tanpa kita sedari.

Sebagai rakyat kita berhenti memuding masanya untuk kita berhenti memuding jari terhadap pemerintah, sebaliknya inillah masanya kita berganding bahu menggerakkan peranan selaku individu bertanggungjawab terhadap diri sendiri.

**Rizmal,**  
Fakulti Sains Kesihatan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia